

## KHUTBAH JUMAAT

### “KEBIJAKSANAAN PENGURUSAN KEWANGAN, KUNCI KEBAHAGIAAN KINI DAN AKAN DATANG”

(7 Ogos 2020M/ 17 Zulhijjah 1441H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ  
الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَمِ وَالْحَرْثِ ذَٰلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ  
الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْبُ الْمَعَابِ

**Maksudnya:** “Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).”

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : ***“Kebijaksanaan Pengurusan Kewangan, Kunci Kebahagiaan Kini Dan Akan Datang”***.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Wabak COVID-19 telah memberi impak atau kesan negatif terhadap ekonomi negara di mana operasi perniagaan terpaksa ditutup dalam tempoh yang lama berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini menyebabkan ramai dalam kalangan kita yang merasa amat tertekan dan mengalami kesempitan wang apabila sumber pendapatan mula terjejas. Benarlah pesanan Nabi *sallallahu alaihi wasallam* kepada kita sebagai umatnya dalam sabdanya yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas *radhiallahu anhuma* yang bermaksud :

*“Manfaatkan lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Masa mudamu sebelum datang masa tuamu, masa sihatmu sebelum masa sakitmu, masa kayamu sebelum datangnya masa sempitmu (miskin), masa lapangmu sebelum tiba masa sibukmu, dan masa hidupmu sebelum tiba masa mati.”*

*(Hadis riwayat Imam al-Hakim)*

Menjangkakan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat dan syarikat perniagaan, Kerajaan sejak awal pelaksanaan PKP lagi telah mengumumkan pelbagai bentuk bantuan termasuklah pemberian moratorium iaitu penangguhan pembayaran ansuran pembiayaan secara automatik selama enam bulan.

Penangguhan ini bertujuan meringankan beban kewangan rakyat dalam menjalani kehidupan yang mencabar berikutan pelaksanaan PKP. Langkah ini juga disambut baik oleh semua institusi kewangan negara. Ini bertepatan dengan firman Allah dalam Surah al-Baqarah, ayat 280 :

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

**Maksudnya :** *Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).*

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Setelah hampir enam bulan, tempoh penangguhan pembayaran ansuran pembiayaan yang diberikan oleh kerajaan hampir tamat. Bermula bulan Oktober ini kita perlu menyambung semula pembayaran ansuran pembiayaan seperti biasa. Justeru, bagi memudahkan urusan kewangan kita, khatib ingin menasihatkan

agar segera membuat persiapan. Usaha ditunggu sehingga tamat tempoh moratorium. Ambillah langkah-langkah persiapan bermula dari hari ini, seperti :

**Pertama** : Menyemak semula kedudukan kewangan atau bajet untuk keperluan harian;

**Kedua** : Menghubungi pihak institusi kewangan seperti bank dan sebagainya untuk menyemak bayaran ansuran bulanan yang tertangguh yang perlu dijelaskan selepas tempoh moratorium tamat;

**Ketiga** : Berbincang dengan pihak yang berkaitan tentang pelan bayaran ansuran pembiayaan yang baharu bersesuaian dengan kemampuan masing-masing sekiranya perlu, ataupun;

**Keempat** : Mendapatkan khidmat nasihat daripada agensi-agensi kerajaan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi individu dan Skim Resolusi Hutang Kecil bagi PKS.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebagai umat Islam, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menguruskan hal kewangan dan harta dengan baik, terutamanya dalam soal pengurusan hutang dan pembiayaan. Persediaan awal perlu dilakukan bagi memudahkan kita melunaskan hutang dan membayar balik pembiayaan yang telah kita ambil. Sekiranya kita tidak mampu, berhubunglah dengan pihak bank dan institusi kewangan yang berkaitan untuk berunding mengenai pelan pembayaran yang sesuai dengan keadaan kewangan semasa dan tidak membebankan. Langkah ini akan memudahkan urusan kita dan juga pihak institusi kewangan pada masa akan datang.

Bagi yang mampu, adalah dinasihatkan supaya segera melunas atau membayar hutang yang menjadi tanggungjawab kita, seperti sabda Nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radhiallahu anhu* yang bermaksud :

*(Melewat-lewatkan bagi orang yang berkemampuan daripada menunaikan hak (membayar hutang) adalah zalim).*

*(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)*

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga pernah mengkhabarkan berkenaan pertolongan Allah kepada golongan manusia yang mempunyai niat tulus untuk membayar hutangnya kembali seperti hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radhiallahu anhu* yang bermaksud:

*(Sesiapa yang mengambil harta orang lain (berhutang) dengan niat ingin membayarnya, Allah akan menolongnya untuk membayar hutang tersebut, namun sesiapa yang mengambilnya dengan niat untuk menghilangkannya (tidak membayar semula), maka Allah akan membinasakannya (diri, harta atau keberkatan).*

*(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)*

Oleh itu, adalah dinasihatkan supaya kita dapat mengatur gaya kehidupan kita sesuai dengan kemampuan kewangan kita seperti peribahasa Melayu 'ukur baju di badan sendiri'. Dengannya, kita dapat menikmati ketenangan jiwa kerana tidak dibebani hutang dan sebagainya.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati inti pati khutbah sebagai panduan kita bersama iaitu:

**Pertama** : Umat Islam hendaklah meyakini bahawa wabak COVID-19 merupakan satu bentuk ujian oleh Allah *subhanahu wata'ala* bagi menguji keimanan para hamba-Nya.

**Kedua** : Umat Islam hendaklah memahami bahawa mengambil pembiayaan daripada institusi kewangan merupakan satu bentuk muamalat yang diharuskan manakala membayar balik pembiayaan adalah dituntut oleh Syarak bagi mengelak berlakunya tuntutan di akhirat kelak.

**Ketiga** : Umat Islam haruslah mengatur gaya hidup yang sesuai dengan syarak dan kemampuan diri.

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Baqarah, ayat 153 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

**Maksudnya** : *Wahai sekalian orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang yang sabar.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri



kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan, kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.